

22 FEB 2003

MALAYSIA PILIHAN TERBAIK KETUAI NAM, KATA TIMOR LESTE

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Timor Leste, anggota terbaru Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), menyifatkan Malaysia sebagai pilihan terbaik untuk menerajui pergerakan 114 anggota yang berusia 47 tahun itu bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Menteri Luarnya Jose Ramos Horta berkata ini kerana Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memiliki pengalaman luas menangani isu agama dan perkauman.

"Malaysia adalah tempat terbaik memupuk dialog di antara budaya dan tamaddun dalam keadaan semasa yang kritikal," katanya kepada pemberita di luar Mesyuarat Peringkat Menteri Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang sedang berlangsung di sini.

Mengenai masa depan NAM, beliau berkata pergerakan itu perlu menggalak dialog berterusan di antara negara bagi menghapuskan salah faham dan propaganda murah ciptaan puak ekstremis.

"Jika kita tidak berbuat sesuatu mengenainya (salah faham dan propaganda murah) penganas akan memenangi perang propaganda itu dan akan mempengaruhi dan memanipulasikan umat Islam dengan mengatakan Barat memusuhi mereka," katanya.

Horta yakin selain agenda ekonomi dan sosial NAM, Malaysia juga boleh memainkan peranan untuk memimpin dan menjadi penghubung antara rantau, agama dan budaya.

-- BERNAMA
SR MFJ MOZ